*LAWNET*

## BENGKEL KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT

Sesi latihan (bengkel) untuk kemahiran pencarian maklumat dijadualkan setiap hari Isnin hingga Jumaat, jam 8.30—10.30 pagi. Latihan diadakan secara *hands-on*. Sila daftar di Kaunter Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, Tingkat 2, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 sepanjang waktu pejabat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:


**Pustakawan Rujukan:**

- **Fawzia Dawood**
- **Arinawati Ayob**
- **Rizalawati Ayu Abdul Razak**
- **Husriati Hussain**
- **A. Basheer Ameer**

**Bahagian Rujukan dan Penyelidikan**
**Perpustakaan Hamzah Sendut 1,**
**11800 USM**
**Pulau Pinang**
**E-mel : rujukan@notes.usm.my**
**Tel: 604-6533888 samb. 3723**
**Faks: 604-6571526**
**Laman web: www.lib.usm.my**



**Risalah no. 21 (BM)**
**Bahagian Rujukan dan Maklumat**
**RAAR/ April 2006**


www.lib.usm.my

**PERKHIDMATAN MAKLUMAT ELEKTRONIK**

***ELECTRONIC INFORMATION SERVICES***

# LAWNET

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT**

LawNet merupakan salah satu pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Ia memberikan Akta Persekutuan dan Warta Kerajaan Negeri di Malaysia. Ia merupakan koleksi undang-undang atas talian yang *'authoritative'* yang dikeluarkan oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), iaitu pencetak rasmi Warta Kerajaan Malaysia.

LawNet boleh diakses melalui laman web Perpustakaan USM: www.lib.usm.my.




LawNet mempunyai 4 menu utama iaitu; **Law Library, E-Gazette, Judgements dan Istilah Undang- undang**.


View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by Repository@USM

## 1) LAW LIBRARY

Mengandungi:

- Akta-akta Parlimen yang dikemaskini, Akta-akta Utama (asal), Akta-akta pindaan, Ordinan-ordinan, Rang Undang-undang, Perintah dan Peraturan yang dikemaskini
- Pemberitahuan Undangan 'A', Pemberitahuan Undangan 'B'
- Perlembagaan Persekutuan
- Kod-kod prosedur (Jenayah, Penal code, National land code)
- Peraturan Mahkamah
- Perintah Am , Arahan Perbendaharaan

## 2) E-GAZETTE

Merupakan versi elektronik Warta Kerajaan dari tahun 2001 ke atas yang dicetak oleh PNMB, pencetak rasmi Kerajaan Malaysia. Ia terdapat dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ia mengandungi:

- **Warta Kerajaan Persekutuan**- Akta-akta, Akta-akta Pindaan, Rang Undang-undang, Pemberitahuan Undangan 'A', Pemberitahuan Undangan 'A' dan Gazette Notification (GN)
- **Warta Kerajaan Negeri**- Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan dan Sarawak

## 3) JUDGMENTS

Memberikan kes-kes terpilih ***Privy Council Judgments***

*LAWNET*

## 4) ISTILAH UNDANG-UNDANG

Mengandungi lebih dari 30,000 perkataan, istilah dan frasa yang selalu digunakan oleh pengamal undang-undang dan peguam. Ia memberikan makna perkataan, istilah dan frasa dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

## CARA MENGGUNAKANNYA

1. Pengguna perlu klik di butang ***'Members'*** dan seterusnya memasukkan "*Password" dan "user id". Pengguna berdaftar* Perpustakaan boleh mendapatkan "*Password" dan "user id"* untuk LawNet dari Kaunter Rujukan, tingkat 2, PHS 1, sepanjang waktu pejabat.
2. Pengguna perlu memilih samada menggunakan *Law Library, E-Gazette, Judgements dan Istilah Undang- undang.*
3. Di dalam ***Law Library***, pencarian Akta boleh dilakukan mengikut turutan abjad, nombor Akta, tahun Akta ataupun menggunakan kata kunci Akta tersebut.
4. Di dalam ***E-Gazette***, Warta Kerajaan disusun mengikut Persekutuan dan nama negeri. Seterusnya memilih untuk melihat warta tersebut di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
5. Di dalam ***Judgements***, pengguna boleh memilih untuk melihat mengikut nombor rayuan, turutan abjad, tahun rayuan, tahun penghakiman atau mengikut nama hakim.
6. Di dalam ***Istilah***, pengguna hanya perlu memasukkan perkataan tertentu di dalam kotak pencarian dan makna perkataan tersebut dalam Bahasa Malaysia akan diberikan.